

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN DAERAH KULIM/BANDAR BAHARU



KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar dengan **Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman (Sistem iDAFTAR)**, **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **agensi terlibat** serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja bekalan/perkhidmatan berikut :-

NO. SEBUT HARGA	JPSKBB(SH/BB)P/P/JP/8/2025
TAJUK KERJA SEBUT HARGA	KERJA-KERJA MENAIKTARAF PEMBENTUNG SERTA KERJA BERKAITAN DI KAMPUNG TEBUK MAT RASHID LUAR, SKIM PENGAIRAN BANDAR BAHARU, MUKIM BAGAN SAMAK, DAERAH BANDAR BAHARU, KEDAH DARUL AMAN.
HARGA DOKUMEN	RM 10.00 senaskah. BAYARAN INI TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN
TARIKH PAMER	31 JULAI 2025 (KHAMIS)
TARIKH TUTUP	14 OGOS 2025 (KHAMIS) JAM 12.00 TENGAHARI

2. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai Sebut Harga ini hendaklah berdaftar dengan CIDB dan mempunyai **Sijil Perakuan Pendaftaran (PP)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** serta **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** dalam bidang berikut :

GRED	KATEGORI	PENGKHUSUSAN
G1	CE	CE21 – KERJA-KERJA AM KEJURUTERAAN AWAM

3. Kontraktor yang berminat dan berkelayakan seperti yang tertera hendaklah membuat **PERAKUAN menyertai Sebut Harga di sistem iDAFTAR (<https://idaftar.kedah.gov.my>)** dan **menjelaskan bayaran pembelian dokumen sebut harga secara atas talian** mengikut Nombor Sebut Harga **JPSKBB(SH/BB)P/P/JP/8/2025** dengan kadar bayaran RM 10.00 bagi **senaskah** sebelum dokumen *softcopy* Sebut Harga dikemukakan kepada kontraktor.

4. Urusan penjualan Dokumen Sebut Harga adalah seperti berikut :

TARIKH JUAL	7 OGOS 2025 (KHAMIS)
TARIKH TUTUP	14 OGOS 2025 (KHAMIS)

Dibuka sepanjang masa kecuali jam 12.00 tengah malam hingga 12.30 pagi bagi penyelenggaraan transaksi elektronik pihak bank)

5. Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** dan hanya kontraktor yang menghadiri lawatan tapak dibenarkan membeli dokumen Sebut Harga. Kontraktor hendaklah melaporkan diri seperti ketetapan berikut:

TARIKH LAWATAN TAPAK	7 OGOS 2025 (KHAMIS)
WAKTU PENDAFTARAN	10.45 PAGI – 11.15 PAGI kelewatan selepas masa yang ditetapkan tidak akan diterima
LOKASI LAWATAN TAPAK	PEJABAT JPS DAERAH KULIM/BANDAR BAHARU, TAMAN TUNKU PUTRA, 09000 KULIM, KEDAH.

Nota: Hanya **penama** di dalam **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat / Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) / Sijil Taraf Bumiputera (STB)** yang boleh menghadiri lawatan tapak dan tidak boleh mewakili pegawai selain daripada penama.

6. **Kontraktor yang berminat hendaklah mengesahkan kehadiran lawatan tapak di dalam Sistem iDAFTAR SEBELUM atau PADA 7 OGOS 2025 (KHAMIS)** bagi mengelak sebarang masalah semasa pembelian dokumen. Sila bawa bersama **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, Sijil Perakuan Pendaftaran dan Sijil Taraf Bumiputera** semasa lawatan tapak. **SESALINAN SIJIL SSM, CIDB, & STB PERLU DIKEMUKAKAN SEMASA LAWATAN TAPAK.**

7. Kontraktor dikehendaki menyemak **Nombor Siri Kawalan Dokumen** yang diberikan melalui sistem iDAFTAR dan melengkapkan Nombor Siri Kawalan Dokumen pada setiap halaman muka hadapan dokumen Sebut Harga di ruangan kotak yang disediakan. Kegagalan kontraktor mengisi Nombor Siri Kawalan Dokumen ini akan menyebabkan dokumen tersebut **DITOLAK**.
8. Kontraktor **DIWAJIBKAN** untuk mengemukakan sijil **PPK, SPKK, STB/BPKU** dan **SSM** di samping perlu memastikan sijil-sijil berkaitan masih sah tempoh laku sekurang-kurangnya **3 BULAN** daripada tarikh tutup sebut harga. **KEGAGALAN** kontraktor berbuat demikian **BERKEMUNGKINAN BOLEH MENJEJASKAN** peluang bidaan dokumen yang dimasuki oleh kontraktor.
9. Sebut harga ini akan ditutup pada **14 OGOS 2025 (KHAMIS) SEBELUM JAM 12.00 TENGAH HARI**. Dokumen Sebut Harga yang lengkap diisi, dicetak dan disahkan, hendaklah dimasukkan ke dalam **sampul surat berlakri** yang **dicatatkan Nombor Sebut Harga pada sebelah atas kiri sampul dengan terang dan jelas** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan di :

**PEJABAT JURUTERA DAERAH
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
DAERAH KULIM/BANDAR BAHARU
TAMAN TUNKU PUTRA 09000 KULIM,
KEDAH DARUL AMAN.**

10. Kontraktor perlu mematuhi **Prosedur Operasi Standard (SOP)** yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan bagi mengelakkan **penularan wabak COVID-19** seperti amalan penjarakan fizikal dan memakai pelitup muka serta tidak dibenarkan sama sekali amalan penghantaran dokumen secara berkumpulan.
11. **Kontraktor boleh menggunakan perkhidmatan kurier** untuk penghantaran dokumen Sebut Harga. Kontraktor dikehendaki memastikan sendiri bahawa dokumen Sebut Harga selamat sampai dihantar dan dimasukkan ke Peti Sebut Harga yang disediakan Jabatan oleh agen perkhidmatan kurier dalam masa ditetapkan. **Kerajaan tidak akan bertanggungjawab atas kelewatan penerimaan dokumen syarikat.**



(Ir. MOHAMAD ADHAR BIN YAHAYA, P.J.K.)
Jurutera Daerah
JPS Daerah Kulim/Bandar Baharu,
09000 Kulim,
Kedah Darul Aman.

Tarikh : 31 JULAI 2025

- | | | |
|------|----|--|
| s.k. | 1. | Tuan Pengarah JPS Negeri Kedah Darul Aman |
| | 2. | Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) |
| | 3. | Pusat Khidmat Kontraktor |
| | 4. | Persatuan Kontraktor Bumiputra |
| | 5. | Pejabat Daerah Dan Tanah Bandar Baharu |
| | 6. | Majlis Daerah Bandar Baharu |
| | 7. | Papan Kenyataan. |
| | 8. | Fail Timbul |